

Headline	Mac laksana program pencegahan, pendidikan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V11	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	230 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,462
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,386



## Mac laksana program pencegahan, pendidikan

**R**ASA takut dan bimbang keadaan kesihatan mereka diketahui masyarakat adalah antara punca utama masih ramai OHDA enggan mendapatkan bantuan atau rawatan lanjut.

Berikut, Eksekutif Media dan Komunikasi Majlis Aids Malaysia (Mac), Meera Abi, menjelaskan bagaimana organisasi itu bertindak dan cara mendapatkan bantuan bagi OHDA.

Soalan (S): Apakah peranan Mac dalam situasi ini?

Jawapan (J): Mac bertanggungjawab untuk menyokong dan menyelaraskan usaha organisasi bukan kerajaan (NGO) yang bekerja di lapangan HIV dan Aids. Mac bertindak menerusi jalinan kerjasama dengan agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan antarabangsa, untuk memastikan respon terhadap epidemik HIV dan Aids oleh NGO adalah komited serta efektif.

Selain melaksanakan program pencegahan, rawatan, jagaan dan sokong bantu HIV di

seluruh negara, Mac dan ahli gabungan bertindak mewakili suara komuniti yang terjejas oleh HIV dan Aids. Antara langkah yang diambil oleh Mac bagi mengatasi masalah ini adalah :

a. Pencegahan. Mac sudah lama menjalankan program pencegahan HIV terutama di kalangan pengguna dadah suntikan (IDU). Pencegahan terarah kepada IDU bagi mengelakkan mereka terus menyebarkan virus ini kepada rakan mereka, juga kepada pasangan atau isteri mereka di rumah.

b. Pendidikan. Mac dan Kementerian Kesihatan Malaysia memang sentiasa menjalankan program kesedaran HIV kepada masyarakat. Untuk fasa seterusnya, pendidikan HIV ini akan lebih fokus kepada komuniti sasaran seperti wanita. Sesi perkongsian pengalaman bersama OHDA juga salah satu daripada aktiviti bantuan kami.

c. Memperkasakan. Spesi-

fik untuk 'orang yang hidup dengan HIV' iaitu siri program pembinaan jati diri bagi meningkatkan keyakinan diri mereka dan membantu pembinaan kapasiti seperti kemahiran perniagaan agar mereka dapat membina kehidupan lebih baik.

S: Apakah jenis atau cara bantuan jelas yang diberikan pihak Mac kepada OHDA sama ada yang dijangkiti atau orang sekeliling mereka?

J: Secara ringkasnya, ada dua kategori bantuan iaitu bantuan langsung bagi meringankan beban orang yang hidup dengan HIV seperti rawatan, jagaan dan sokongan serta bantuan kewangan.

Bantuan tidak langsung pula menerusi projek advokasi oleh Mac bagi membina persekitaran yang kondusif dan tidak membebankan OHDA seperti pembentukan polisi antidiskriminasi di tempat kerja dan polisi pengeluaran simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi rawatan perubatan HIV.

Ada banyak program khusus untuk membantu orang yang hidup dengan HIV dan Aids ini. Kebanyakannya dibiayai kerajaan, yayasan negeri, Mac dan agensi korporat yang prihatin. Contohnya pembiayaan perubatan HAART secara percuma untuk semua rakyat oleh kerajaan (untuk rawatan peringkat pertama), Skim Bantuan Perubatan (untuk rawatan peringkat kedua), Skim Bantuan Pediatrik (untuk kanak-kanak positif HIV bawah 12 tahun) serta Skim Bantuan Pendidikan oleh Yayasan Aids Malaysia (untuk remaja antara 12 hingga 17 tahun).

Selain itu, ada bantuan pembiayaan untuk rumah perlindungan HIV oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta beberapa penaja korporat serta bantuan Baitulmal untuk orang yang hidup dengan HIV oleh Majlis Agama Islam Negeri.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mac.org.my](http://www.mac.org.my) atau hubungi Majlis Aids Malaysia di 03-40451033.